

# LAMPIRAN



**WAN AMIDA:**  
From Kota Baru

**ZULKIFLI:**  
From Kota Baru

## Two men being sought over rape, robbery

NST Saturday, Nov. 22, 2003

**KUANTAN, Fri.** — Police are on the lookout for two men in connection with a rape-cum-robbery involving a 20-year-old clerk at a rubber estate in Mentakab, on Tuesday.

State Criminal Investigation Department acting chief Superintendent Mokhtar Mohd Ali said the suspects are Wan Amida Wan Darus, 33, (IC:700210-10-5955) of Kampung Telaga Ara, Kota Baru, and Zulkifli Ismail, 32, (IC: A2060768) of Tanah Merah, Kota Baru.

At about 7.20am on Tuesday, the victim was offered a lift to her office by a man while she was waiting for a bus.

Mokhtar said the victim agreed and followed as she had taken lifts from him several times before.

"While on their way, the man stopped and picked up another man before driving to a secluded spot in a rubber estate.

"The duo then took turns raping the victim before robbing her of her necklace and bracelet, worth RM1,350," he said.

The two suspects detained the victim for about 12 hours before releasing her in Mentakab at about 7.10pm.

"She lodged a police report at the Mentakab police station and was later brought to the hospital for a check-up," he said.

Those with information are urged to contact the nearest police station.

4 Nov 02 Berita Harian , Isnin



## 140 sertai Bengkel Menjelang Ramadan

KUALA LUMPUR, Ahad - Kira-kira 140 peserta menyertai Bengkel Menjelang Ramadan anjuran majalah *Jelita* dan Maggi di Hotel Pan Pacific di sini, hari ini.

Bengkel yang pertama kali dianjurkan itu mendedahkan peserta cara menyediakan juadah berbuka puasa menggunakan ramuan pro-

duk Maggi yang dikendalikan Chef Ismail Ahmad.


Selain itu, peserta diberi ceramah mengenai Ramadan serta cara pemakalan tudung dan jubah yang disampaikan penceramah agama, Datuk Dr Mashitah Ibrahim (**gambar dua dari kiri**).

Kakitangan Hotel Pan Pacific pula

mengadakan demonstrasi menghias puding.

Setiap peserta bengkel dikenakan bayaran RM45 seorang dan menerima beg cenderahati sumbangan majalah *Jelita* dan Maggi. Jualan dan pameran turut diadakan bagi memeriahkan bengkel itu.

### Lampiran III



**WANITA** warga Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Siddiqa Hashmi, mencuba rantaian emas untuk bergaya pada Hari Raya ketika pekedai barang kemas di Dubai berlumba-lumba menarik perhatian pembeli menjelang Aidilfitri. — Gambar Reuters

### *PETUA UNTUK SEPANJANG HARI*

1. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang panas. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

2. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang dingin. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

3. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang asam. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

4. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang manis. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

5. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang pedas. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

6. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang basam. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

7. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang asin. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

8. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang lembut. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

9. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang keras. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.

10. Jangan cuba membuat keputusan besar semasa makan makanan yang lembut dan keras. Ia boleh menyebabkan anda mengambil keputusan yang tidak masuk akal.



## Water Shine

Sinaran lembut yang menawan, ayu dipakai ke pejabat atau kolej!

- Sinaran berair
- Merapi & Melembapkan bibir
- Ringan, tak terasa melekat



## Water Shine 3D jelly plumpy

Bibir menawan,  
si dia tertawan!

- Memenuhi & Melembapkan bibir
- Warna seakan jeli
- Bibir berkilat

## Water Shine LIQUID DIAMONDS

Warna mewah yang basah bersinar! Hebat di bawah sinaran neon!

- Amat bersinar & berglos
- Sinaran Berlian Cair
- Licin sapuannya



## Water Shine DIAMONDS

Kilauan dan sinaran ekstra ketika keluar bersama rakan!

- Sinaran berlian
- Merapi & Melembapkan bibir
- Gaya basah

## PETUA UNTUK SERLAHKAN BIBIR ANDA

### Untuk mulut dan bibir yang kecil

Lakarkan penjuru bibir dengan Watershine 3D No.15, kemudian gunakan berus bibir untuk menyapu gincu.



### Untuk mulut dan bibir yang penuh

Lakarkan dari sebelah dalam mengikut bentuk tepi bibir dengan gincu berwarna neutral, kemudian sapukan Watershine 3D No.12 dengan berhati-hati dan kemas.



### Untuk mulut bulat

Sapukan Watershine 3D No.01 atau 11 dengan berus bibir setakat beberapa milimeter dari penjuru bibir.



### Gunakan penggaris bibir Line 'n Design Maybelline untuk menempakkan bentuk bibir dan mengelakkan sememeh



### Mengekalkan gincu lebih lama

# jenama fesyen dari **beyonce**

**S**EKALIPUN kejayaannya bersama *Destiny's Child* dan sambutan terhadap album sulungnya, *Dangerously In Love*, dianggap hebat, Beyonce Knowles masih belum puas mengecapi nikmat kemasuhan.

Terbaru, dia kini bercadang muncul dengan koleksi fesyennya sendiri.

Dalam kenyataannya minggu lalu, gadis berusia 22 tahun ini mahu orang ramai dan peminat seusi dengannya mampu membeli pakaian yang sering dipakainya. Ini memandangkan tidak semua orang mampu membeli pakaian berjenama seperti Versace.

Bersama ibunya yang bertindak selaku penata rias, Beyonce akan menampilkan dua koleksi berbeza. Koleksi pertama lebih bercorak *funky* dan *hip-hop* yang meliputi pakaian kasual seperti kemeja-t dan jeans. Himpunan kedua pula akan lebih memberi tumpuan kepada gaun pendek dan labuh serta sentuhan lebih feminin.

"Saya mahu fesyen koleksi saya mampu dimiliki oleh

sesiapa saja, tapi ia tetap sofistikated, seksi dan feminin. Itulah apa yang akan saya pakai selama ini," katanya yang sekali lagi akan muncul di layar perak melalui filem *The Fighting Temptations* bersama Cuba Gooding Jr.

Beyonce memang dikenali di kalangan artis dan dunia hiburan sebagai individu yang peka dengan fesyen malah semakin berani dengan gayanya yang seksi.

Ada ketika, Beyonce suka memilih gaya seorang gadis manis dan ada kalanya, dia seperti penari kelab malam yang menggiurkan. Penyanyi yang popular dengan lagu *Crazy In Love* ini ada pengikut tersendiri dan sentiasa tampil yakin dengan apa yang dipakainya.

Mungkin dia tertarik melihatkan kejayaan beberapa superstar yang sudah mengeluarkan jenama dan fesyen mereka sendiri seperti Russell Simmons, P Diddy, Jay-Z dan J.Lo. Sementara Thalia, Eminem, Gwen Stefani dan Eve juga dilaporkan akan muncul dengan himpunan fesyen masing-masing tahun depan.

Ikon 18 Oktober 2003

Sabtu

## Lampiran VI

■ Foto Rosli Ahmad & Khairul Ghazali

**S**ETIAP kali Litar Sepang bergegar dengan deruman enjin sama ada untuk F1 atau GP motosikal bertaraf dunia, pastinya gadis yang seksi muncul mencuri tumpuan penonton.

Bukan saja warga tempatan malah gadis bermata biru, hijau dan coklat dari pelbagai negara juga turut bercatwalk di tepi trek atau podium sama ada untuk menyerikan perlumbaan atau sememangnya menjadi krew yang bertugas dengan pasukan pelumba masing-masing.

Apabila sudah melintas dengan wajah glamour, tentu pergerakan dan gaya menarik gadis litar ini tidak terlepas daripada perhatian jurugambar yang berebut-rebut menekan punat klik! pada kamera masing-masing.

I-Kon berkesempatan merakamkan aksi menarik beberapa gadis litar sempena penganjuran Grand Prix Malaysia Motosikal Dunia 2003 (GP Malaysia 2003) bagi kelas 125cc, 250cc dan Moto GP, yang berakhir Ahad lalu.

Buat seketika, kemunculan mereka hampir-hampir mengalahkan pelumba yang bertanding seperti Valentino Rossi, Sete Gibernau, Max Biaggi, Toni Alias dan Andrea Dovizioso.

Tuan, sisipan Sabtu Berita Harian / 18 Oktober 2003

## Tip berpakaian mengikut bentuk badan daripada Angeline Mun

### Hourglass

Diandalkan sebagai bentuk badan yang sempurna. Wanita yang mempunyai bentuk badan seperti itu memiliki ukuran dada dan pinggul yang agak sama. Semenara ukuran pinggangnya lebih kurang 25sm (10 inci) lebih kecil daripada dada atau pinggulnya.

Mereka yang mempunyai bentuk badan seperti itu sesuai dengan apa saja pakaian. Membeli-lelah cukup mudah untuk mereka.

### Segi empat bujur

Wanita ini mempunyai garis pinggang yang kecil atau tiada langsung. Bergantung kepada berat badan atau ketinggian masing-masing keselimbangan badan mampu dirilah dengan menggunakan pakalan bahan berbulu, pemakaian vest, jaket atau fabrik lembut untuk pakaian bahagian atas.

### Berlian

Wanita seperti itu mempunyai perut yang agak buncit daripada bahagian payu daranya yang bermakna bahagian itu lebih besar daripada dada atau pinggulnya. Strategi untuk mengurus bentuk badan seperti itu adalah mengenakan aksesori leher yang labuh, pakalan bercorak sederhana, warna gelap atau gaun tanpa pinggang dan vest terbuka.

### Bujur telur

Mereka yang mempunyai bentuk badan seperti itu perlu memiliki pakalan yang mempunyai garis leher V, corak garis menegak, corak sederhana daripada motif geometri ataupun warna asli daripada gelap hingga sederhana. Sebagai tambahan, mereka boleh mengenakan kasut bertumit sederhana tinggi, skirt yang labuh di bawah paras lutut ataupun aksesori yang berwarna-warni untuk mengalih perhatian.

Pancaindeka Ming. Malaysia, Ahad 18 Mei, 2003

## Iklan tayang tubuh wanita

SEJAK akhir-akhir ini saya dapat terlalu banyak iklan disiarkan pada waktu perdana atau pada pertengahan berita jam 8.00 malam berkaitan sabun atau syampu.

Malangnya semua iklan itu gemar menunjukkan wanita sedang mandi dengan menampakkan dada dan ada iklan menunjukkan paha yang gebu. Dulu iklan seperti ini tidak menayangkan tubuh wanita.

Jika ada pun iklan yang menghiraikan ia hanya ditayangkan di pawagam, tetapi kini iklan di tv tidak lagi ada sekatan.

Apa berlaku itu tidak banyak membantu menularnya budaya lucu atau ia jelas mudah menaikkan syahwat terutama remaja dan budak yang sedang membesar yang berada di depan tv pada masa berkenaan.

Contohilah iklan 10 tahun lalu iaitu wanita mencuci rambut tanpa menampakkan paha dan pangkal buah dada.

S REHANA,  
Kuching, Sarawak.

Berita Harian Sabtu 18 Oktober 2003

## Buang bulu diharuskan

**APAKAH** hukum jika seorang wanita membuang bulu yang ada pada badan, termasuk bulu di atas bibir (misai). Adakah ia dikatakan mengubah ciptaan Allah?

Kiriman: Hitomi, Kuala Lumpur

### JAWAPAN

Tafsiran sebenar pada hadis yang menyebut: "Allah melaknat mereka mengubah ciptaan Tuhan" ialah menukar jantina atau mengubah ciptaan asasi Tuhan seperti bentuk hidung, bibir atau mata.

Membuang bulu tidak termasuk dalam larangan ini kerana bulu akan tumbuh semula, apalagi bagi wanita jika ditumbuh bulu menyerupai misai, wajib hukumnya membuang bulu berkenaan supaya tidak menyimpai lelaki.

## Guna pewarna tidak halang air

**ADAKAH** sah mandi hadas besar kita sedangkan ketika itu rambut kita diwarkan, tetapi pewarna yang digunakan tidak mengandungi alkohol?

Kiriman: Hamba Yang Musykil, Banting

### JAWAPAN

Mandi hadas dikira sah jika pewarna yang digunakan tidak menghalang air daripada terkena rambut.

Syarat sah mandi hadas ialah hijat dan meratakan air ke seluruh tubuh.

Jika syarat ini terlaksana, maka sahlah mandi itu.

Anda  
musykil,  
Dr Mashitah  
jawab

Harakah - 16 Jamadilawal - 1 Jamadilakhir 1421  
(16 - 31 Ogos 2000)

5

## Suara merdu qariah aurat - Tuan Guru

PENGKALAN CHEPA: Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, adalah wajar kerajaan PAS melarang wanita menyertai tilawah membaca al-Quran kerana menggunakan suara merdu untuk dipertandingkan.

Beliau berkata, wanita yang membaca al-Quran dengan niat menggunakan suara merdu untuk dipertandingan bagi mencapai kemenangan, dikira aurat dalam Islam.

"Wanita yang membaca al-Quran bagi tujuan itu adalah jauh bezanya dengan seorang senator atau penceramah wanita yang berceramah untuk menerangkan sesuatu isu kepada masyarakat.

"Penceramah wanita sama seperti seorang guru wanita yang mengajar di sekolah dan dia bukannya menggunakan suara yang menawan," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sekembalinya dari lawatan seminggu di Mesir, baru-baru ini.

Beliau berkata, membaca al-Quran di dalam sesuatu pertandingan dengan menggunakan suara yang lunak merdu bertujuan memikat hati pengadil untuk mencapai kemenangan.

"Itulah yang saya nak sekat," katanya.

Kerajaan Kelantan menguatkuasa larangan wanita menyertai tilawah membaca al-Quran sejak mengambil alih teraju pemerintahan negeri ini, kira-kira 10 tahun lalu.

Menurutnya, selagi dilantik sebagai ketua kerajaan, beliau tidak akan menghantar qariah (peserta wanita) ke pertandingan bacaan al-Quran kerana tidak mahu terlibat dengan dosa tersebut.

Baru-baru ini, kerajaan Terengganu melarang wanita (qariah) menyertai pertandingan membaca al-Quran mulai tahun ini, sebagai mengikuti langkah kerajaan Kelantan.

Bagaimanapun Mufti Negeri Sembilan, Dato' Mohd Murtadza Ahmad dilaporkan berkata, Islam tidak melarang wanita menyertai tilawah al-Quran kerana bukan perbuatan yang mendedahkan aurat.

Menteri Besar Kelantan juga berkata, suara wanita sebagai aurat adalah perkara 'kilaf' iaitu percanggahan pendapat mengenainya di kalangan ulama lampau, yang tidak akan selesai sehingga hari kiamat.

Bagaimanapun beliau tetap mempertahankan keputusan kerajaan Kelantan dan Terengganu melarang wanita menyertai pertandingan tilawah al-Quran.